



Khalil (tiga dari kiri) bersama pengurusan kanan IBN Corp menunjukkan anugerah yang dimenangi syarikat baru-baru ini.

IBN Corp dinobatkan Anugerah Pilihan Pengguna 2022

Oleh KOSMO! 23 Februari 2022, 6:35 pm

KUALA LUMPUR – IBN Corp Ltd (IBN Corp), pemaju hartanah mewah, telah dipilih memenangi Anugerah Pilihan Pengguna tahun 2022 oleh Majlis Tindakan Pengguna Negara (MTPN).

Ini adalah pengiktirafan kepada syarikat yang berupaya memenuhi kepuasan pelanggan dan memperoleh kecemerlangan perniagaan bagi kualiti produk serta perkhidmatan, profesionalisme dan integriti mereka. anda bagi meningkatkan

Anugerah Pilihan Pengguna 2022 yang turut diiktiraf oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu merupakan kemuncak pencapaian usaha dan kesetiaan jenama pemenang kerana ia berdasarkan tinjauan MTPN yang mengumpul dan menyemak pendapat beribu-ribu pelanggan setiap tahun.

Naib Presiden IBN Corp Megat Khalil Izzuddin Shah, anugerah tersebut adalah satu pencapaian membanggakan buat syarikat atas usaha gigih kakitangannya setiap tahun yang sentiasa menunjukkan dedikasi berterusan bagi

memenuhi kepuasan pelanggan.



“Dari sesi penglibatan dengan bakal pembeli hartanah dan pelabur yang berpengalaman sehinggalah kepada menjalankan tinjauan pasaran khusus, pasukan kami sentiasa berusaha untuk menambah baik cara kami menjalankan perniagaan. Kami berbesar hati untuk diiktiraf di atas prestasi profesional dan kepakaran kami,” katanya dalam kenyataan.

IBN Corp yang ditubuhkan sejak tahun 2018 telah berjaya membangunkan projek IBN Bukit Bintang dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RMI.3 bilion dan IBN Highlands City iaitu projek pembangunan bercampur dengan GDV RM6.2 bilion yang terletak di Genting Highlands.

Projek pembangunan hartanah lain turut melibatkan anak syarikatnya iaitu Bentong Eco Park di Pahang dan Green City di Serendah, Selangor.

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2022 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.